



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN

NURHAYATI DIYANA MUSA

FBMK 2015 103



KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN

NURHAYATI DIYANA BINTI MUSA

IJAZAH MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2015



KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN

Oleh
NURHAYATI DIYANA BINTI MUSA

Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera

April 2015

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera.

KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN

Oleh:

NURHAYATI DIYANA BINTI MUSA

April 2015

Pengerusi : Roslina Binti Abu Bakar, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk meneliti konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain. Hal ini demikian kerana, konflik merupakan suatu aspek yang penting untuk menggerakkan sesebuah penceritaan atau mengembangkan cerita. Walaupun demikian, terdapat pandangan yang mengaitkan bahawa dramatis Shaharom Husain kurang mengetengahkan konflik dalam drama-dramanya. Berdasarkan hal tersebut, kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap aspek konflik yang terdapat dalam drama-drama Shaharom Husain. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama Shaharom Husain. Selain itu, menganalisis konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain berdasarkan aspek kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan. Tumpuan perbincangan terhadap konflik-konflik dalam drama yang dikaji merangkumi tiga aspek iaitu kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan berasaskan faktor konflik antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, individu dengan alam dan individu dengan Tuhan. Penganalisisan terhadap tiga aspek konflik tersebut dikesan melalui dialog, watak dan perwatakan, pemerian penceritaan mahupun latar. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Bagi mencapai objektif kajian ini, analisis dibuat berdasarkan pendekatan konflik Morton Deustch (2006) dan model R. Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (2013). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aspek konflik kekuasaan meliputi persoalan konflik permusuhan dalam kalangan pembesar, konflik penyalahgunaan kuasa, konflik mempertahankan kuasa dan konflik perebutan kuasa. Dalam konteks konflik kemasyarakatan, persoalan konflik yang dikemukakan berhubung konflik mempertahankan adat dan kepercayaan, konflik percintaan, konflik perjuangan, konflik kekeluargaan dan konflik kepercayaan terhadap Tuhan. Sementara itu, persoalan konflik status atau kedudukan pula merangkumi konflik penindasan dan konflik ketidaksamarataan taraf.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera.

KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN

Oleh:

NURHAYATI DIYANA BINTI MUSA

April 2015

Pengerusi : Roslina Binti Abu Bakar, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk meneliti konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain. Hal ini demikian kerana, konflik merupakan suatu aspek yang penting untuk menggerakkan sesebuah penceritaan atau mengembangkan cerita. Walaupun demikian, terdapat pandangan yang mengaitkan bahawa dramatis Shaharom Husain kurang mengetengahkan konflik dalam drama-dramanya. Berdasarkan hal tersebut, kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap aspek konflik yang terdapat dalam drama-drama Shaharom Husain. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama Shaharom Husain. Selain itu, menganalisis konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain berdasarkan aspek kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan. Tumpuan perbincangan terhadap konflik-konflik dalam drama yang dikaji merangkumi tiga aspek iaitu kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan berasaskan faktor konflik antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, individu dengan alam dan individu dengan Tuhan. Penganalisisan terhadap tiga aspek konflik tersebut dikesan melalui dialog, watak dan perwatakan, pemerian penceritaan mahupun latar. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan analisis teks. Bagi mencapai objektif kajian ini, analisis dibuat berdasarkan pendekatan konflik Morton Deustch (2006) dan model R. Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (2013). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa aspek konflik kekuasaan meliputi persoalan konflik permusuhan dalam kalangan pembesar, konflik penyalahgunaan kuasa, konflik mempertahankan kuasa dan konflik perebutan kuasa. Dalam konteks konflik kemasyarakatan, persoalan konflik yang dikemukakan berhubung konflik mempertahankan adat dan kepercayaan, konflik percintaan, konflik perjuangan, konflik kekeluargaan dan konflik kepercayaan terhadap Tuhan. Sementara itu, persoalan konflik status atau kedudukan pula merangkumi konflik penindasan dan konflik ketidaksamarataan taraf.

Abstract of this thesis is presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Master of Art.

CONFLICTS IN DRAMA SHAHAROM HUSAIN

By:

NURHAYATI DIYANA BINTI MUSA

April 2015

Chairman : Roslina binti Abu Bakar, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

This study is carried out to study conflicts in Shaharom Husain's drama. This is because, conflict is an aspect that is important to move a recitation or expand story. However, there is view which link that Shaharom Husain's dramatist rarely suggest conflict in the plays. Based on the case, this study will focus on conflict aspects that occur in Shaharom Husain's plays. The objective of the study is to identify conflict's existence in Shaharom Husain's drama. Apart from that, it is analyse conflict that occur in Shaharom Husain's drama based on power aspect, social science and standard or position. Focus of discussion on conflicts in drama studied include three aspects namely power, social science and standard or position based on conflict factor between individual with individual, individual with society, individual with nature and individual with God. In this matter, analysis on three conflict aspects located through dialogue, character and characteristic, recitation account or background. A method of analysis used in this study is the method of literature and text analysis. To achieve this objective of the study, analysis made based on by "*Morton Deutsch Approaches Conflict 2006*" and "*R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang 2013*". Retrieval research showed that power conflict aspect cover hostility conflict issue among enlarger, abuse of power conflict, power defend conflict and coup conflict. In social science conflict context, conflict issue presented about conflict defend custom and belief, love conflict, struggle conflict, family conflict and belief conflict on God. Meanwhile, standard conflict issue or position on the other hand includes oppression conflict and inequality levels conflict.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan keizinan-Nya, maka penulisan tesis ini dapat disempurnakan.

Penghargaan yang tidak terhingga diberikan kepada penyelia saya iaitu Dr. Roslina binti Abu Bakar dan Prof. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud. Jutaan terima kasih kerana sentiasa memberikan tunjuk ajar, nasihat, semangat, keyakinan, kekuatan dan sokongan yang tidak pernah putus serta jemu sepanjang proses penulisan tesis ini dan pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Negara serta Dewan Bahasa dan Pustaka di atas segala bantuan dan kerjasama yang dihulurkan.

Akhir kata, pengkaji amat berharap agar tesis ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan diharapkan dapat memenuhi seperti mana yang dikehendaki. Sebagai manusia biasa, pengkaji tidak boleh lari dan lepas daripada melakukan kesilapan. Sehubungan itu, sebarang kekurangan itu adalah datang dari kelemahan diri pengkaji sendiri dan sesungguhnya segala yang baik dan sempurna itu hanya milik ALLAH S.W.T.

Amin

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada.....untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurhayati Diyana Binti Musa untuk menilai tesis beliau yang bertajuk "Konflik-konflik dalam Drama Shaharom Husain" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nama Pengerusi, PhD

Sapaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nama Pemeriksa 1, PhD

Sapaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa 2, PhD

Sapaan

Nama Fakulti

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Nama Pemeriksa Luar, PhD

Sapaan

Nama Jabatan

Nama Organisasi

Negara

(Pemeriksa Luar)

(Prof. Madya Dr. Noritah Omar)

Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Roslina Binti Abu Bakar, PhD.

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Bin Sujud, PhD.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurhayati Diyana Binti Musa (GS36036)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Roslina Binti Abu Bakar, PhD.

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Arba'ie Bin Sujud, PhD.

Profesor Madya.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	4
Penyataan Masalah	6
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	7
Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	8
Definisi Operasional	8
Konflik	11
Drama	12
Kesimpulan	
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	14
Kajian Terdahulu Berkaitan Konflik	14
Kajian Terdahulu Berkaitan Drama	21
Shaharom Husain	
Kesimpulan	24
3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	25
Kaedah Kajian	25
Analisis Data dan Kajian Teks	25
Pendekatan Kajian	26
Kewajaran Penggunaan Pendekatan Konflik	26
Morton Deutsch (2006) dan Model R.Lina:KDHT (2013)	
Pendekatan Konflik Morton Deutsch (2006)	28
Elemen Pendekatan Konflik Morton Deutsch (2006)	28

	Model R.Lina Komunikasi Dua Hala Terancang	31
	Elemen Model R.Lina:KDHT (2013)	
	Kesimpulan	36
4	KONFLIK-KONFLIK DALAM DRAMA SHAHAROM HUSAIN	
	Pengenalan	39
	Konflik Kekuasaan	39
	Konflik Permusuhan dalam Kalangan Pembesar	41
	Konflik Penyalahgunaan Kuasa	51
	Konflik Mempertahankan Kuasa	61
	Konflik Perebutan Kuasa	65
	Konflik Kemasyarakatan	70
	Konflik Mempertahankan Adat dan Kepercayaan	71
	Konflik Kekeluargaan	78
	Konflik Percintaan	83
	Konflik Perjuangan	87
	Konflik Kepercayaan Terhadap Tuhan	91
	Konflik Status atau Kedudukan	95
	Konflik Penindasan	96
	Konflik Ketidaksamarataan Taraf	102
	Kesimpulan	109
5	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	
	Kesimpulan	110
	Cadangan	113
	Penutup	114
	BIBLIOGRAFI	115
	LAMPIRAN	124
	BIODATA PELAJAR	129

SENARAI SINGKATAN

- KDHT - Komunikasi Dua Hala Terancang
SN - Sasterawan Negara
UPM - Universiti Putra Malaysia



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Konsep Konflik	11
2	Elemen Model R.Lina:KDHT 2013 Dalam Drama-Drama Shaharom Husain Disesuaikan Daripada Model R.Lina:KDHT 2013	37
3	Kerangka Kajian Konflik-Konflik Dalam Drama	38

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Pembahagian Tajuk Drama Berdasarkan Tema	8
2	Penetapan Konflik dalam Drama Shaharom yang dikumpulkan Berdasarkan Tema Konflik	124
3	Perincian Penetapan Tema Konflik Kekuasaan dalam Drama Shaharom Husain Berasaskan Tema Konflik	126
4	Perincian Penetapan Tema Konflik Kemasyarakatan dalam Drama Shaharom Husain Berasaskan Tema Konflik	127
5	Perincian Penetapan Tema Konflik Status atau Kedudukan dalam Drama Shaharom Husain Berasaskan Tema Konflik	128

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Karya sastera yang wujud dalam pelbagai genre sering kali disebut sebagai produk masyarakat yang dihasilkan di tengah-tengah institusi masyarakat. Sebagai produk masyarakat, sudah pasti karya sastera tidak terlepas daripada memperkatakan tentang kehidupan masyarakatnya. Ia sebagaimana pendapat Misran Rokimin (2011: 1) yang menyatakan bahawa karya sastera bukan sahaja merupakan imaginasi penulis untuk meluahkan perasaannya semata-mata.

Dalam hal ini, menurut Arba'ie Sujud (2013: 23) karya sastera mengandungi fakta, pengajaran tentang hidup dan kehidupan yang dipancarkan melalui watak dan perwatakan atau penceritaannya. Dalam hubungan ini, sesebuah karya sastera juga berfungsi untuk membekalkan informasi tentang kehidupan manusia yang berhadapan dengan konflik yang disalurkan melalui watak-watak dan peristiwa-peristiwa tertentu. Konflik tersebut melibatkan hubungan antara manusia dengan manusia lain yang menjadi anggota sesebuah masyarakat. Hal ini bermaksud bahawa dalam kehidupan bermasyarakat, akan wujudnya pelbagai perbezaan dan peristiwa yang dapat menerbitkan pelbagai konflik. Walaupun demikian, kewujudan konflik tersebut tidak sewajarnya dilihat dari rangka pemahaman negatif semata-mata. Hal ini kerana terdapat juga konflik yang memberikan kesan positif dalam kehidupan seseorang. Jika diteliti dari sudut ini, berdasarkan konflik yang dihadapi, individu tersebut mampu untuk bertindak, berfikir, dan menghadapi sesuatu kemungkinan dengan penuh keyakinan yang tidak terjangka sebelum ini.

Berasaskan hakikat bahawa setiap manusia pernah berhadapan dengan konflik, maka sesebuah karya sastera yang dibangunkan bersumberkan persoalan hidup dan kehidupan manusia. Hal ini turut meletakkan persoalan konflik sebahagian daripada aspek penting yang menggerakkan sesuatu penceritaan terutamanya pada genre prosa. Melalui konflik-konflik yang dimunculkan melalui watak atau peristiwa tertentu akan dapat menilai keragaman corak kehidupan manusia yang pelbagai situasinya sehingga mampu memberikan kesan emosi kepada pembaca.

Hal ini kerana, sebagai pembaca mereka bukan sekadar membaca tetapi turut menghayati cerita secara mendalam berdasarkan peristiwa-peristiwa yang diangkat dalam karya tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Sayuti (2000: 41-42) yang menyatakan bahawa pembaca akan terlibat secara emosional terhadap sesuatu yang terjadi dalam sesebuah cerita. Apatah lagi jika peristiwa-peristiwa yang dikemukakan mempunyai pertalian dengan pengalaman yang pernah dilalui. Untuk itu, peristiwa dalam sesebuah cerita

yang mampu memberikan kesan emosi sememangnya terisi dengan konflik. Hal ini selaras dengan pandangan Nurgiyantoro (2002: 123-124) menyatakan bahawa peristiwa mampu mewujudkan konflik dan antara bentuk konflik dalam sesebuah cerita boleh berupa konflik luaran maupun konflik dalaman.

Setiap manusia secara fitrahnya akan mengalami konflik dalam kehidupan mereka sama ada konflik besar maupun kecil. Ia sebagaimana yang dinyatakan oleh Mana Sikana (1990: 83) yang menyatakan bahawa dalam diri manusia sentiasa mempunyai konflik antara perasaan tanpa sedar dan keinginan yang timbul dari luar. Konflik yang timbul itu pula bercampur dengan emosi yang positif dengan yang negatif sebagai contoh suka dan duka, kasih dan sayang, benci dan rindu serta sebagainya. Walaupun manusia cuba lari daripada menghadapi konflik, namun konflik akan tetap dialami. Hal ini demikian kerana berdasarkan konflik pelbagai ragam kehidupan manusia dapat dikesan dalam masyarakat.

Dalam hal ini, secara logiknya manusia sering kali mengelak daripada terjadinya konflik, namun mereka tetap tidak dapat mengasingkan diri daripada mengalami konflik yang mewujudkan kepelbagaian emosi yang menyebabkan berlakunya perilaku tertentu. Antaranya, emosi sedih, marah dan kecawa mewujudkan perilaku yang negatif dan emosi gembira akan menerbitkan perilaku positif. Hal ini kerana, manusia dilahirkan dengan pelbagai ragam emosi dan perilaku yang tidak akan sentiasa sama dan selari dengan kehendak manusia lain. Ketidakseragaman keinginan dan kehendak serta persetujuan boleh menjadikan manusia berkonflik dengan manusia lain hanya untuk mencapai sesuatu yang diingini tanpa memikirkan sebab dan akibat yang bakal terjadi.

Dalam konteks sesebuah drama, konflik merupakan unsur yang penting kerana melalui konflik sesuatu cerita akan berkembang menjadi sebuah cerita yang baik. Menurut Rahimah Haji A. Hamid (2009: 49) drama tanpa konflik, diibaratkan sebagai manusia tanpa jantung. Hal ini kerana, konflik berperanan sebagai penggerak plot dan mengembangkan jalan cerita menerusi dialog dan watak perwatakan yang dimunculkan di dalam drama. Hal ini selaras dengan pendapat Shahnon Ahmad (1995: 25) yang menegaskan bahawa konflik atau tikaian sebagai dasar cerita. Ramuan antara semua konflik mungkin akan merebak menjadi ranting konflik atau cabang konflik.

Dalam hubungan ini, dalam sesebuah drama dapat dikesan kepelbagaian konflik sama ada konflik luaran maupun konflik dalaman yang menjadi penyeri kepada karya tersebut. Adanya konflik di dalam drama akan menjadikan sesebuah cerita terisi dan terangkup pelbagai pertentangan serta pertikaian, emosi dan ragam manusia melibatkan diri sendiri atau manusia lain yang memang terjadi di dunia nyata. Pengarang dapat menimbulkan kesan kepada pembaca untuk membaca dan mengikuti cerita lebih lanjut dan aspek inilah yang menjadi tarikan oleh masyarakat dalam menghayati karya sastera.

Lantaran itu, Rahimah Haji A. Hamid (2009: 50) menyatakan bahawa drama ialah kisah kehidupan yang disampaikan melalui dialog dan diperlihatkan

semula melalui aksi, tindakan, gerak ataupun perlakuan tertentu. Sehubungan itu, akan wujud dalam kehidupan seseorang manusia itu perkara-perkara yang bertentangan dengan keinginan hidup seseorang. Menurut Dietrich (1953: 49), hal tersebut adalah sebagai konflik. Hal ini kerana setiap watak yang memegang peranan tertentu akan menggerakkan cerita berdasarkan konflik-konflik yang dimunculkan melalui gerak atau aksi tertentu kesan daripada skrip yang diberikan.

Di samping itu, konflik yang dimunculkan dalam drama dapat mewujudkan komunikasi dengan khalayak. Hal ini terjadi kerana melalui konflik antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Penciptanya telah menerbitkan rangsangan kognitif berdasarkan peristiwa atau mesej yang diketengahkan oleh pengarang. Hal ini bermaksud bahawa konflik dijadikan saluran untuk menyampaikan atau memperjelas sesuatu mesej yang ingin di sampaikan kepada khalayak sebagaimana ditegaskan oleh Arba'ie Sujud (2013: 121). Beliau berpandangan bahawa bagi khalayak yang dekat atau pernah merasakan konflik yang diketengahkan dalam karya, kesan penghayatannya akan lebih mudah dirasai berbanding dengan mereka yang tidak pernah merasai konflik tersebut. Hal ini kerana, pengalaman di luar karya akan mempengaruhi penghayatan khalayak pembaca terhadap sesebuah karya.

Namun begitu, peranan yang dimainkan oleh penggiat drama sangat penting. Hal ini demikian kerana setiap daripada mereka akan berusaha untuk menterjemahkan idealisme dan pemikiran yang bersifat saranan mahupun kritikan melalui drama yang dihasilkan. Selain itu, mereka berusaha untuk mencari kelainan dan kelebihan pada satu-satu zaman untuk membawa drama dalam suatu corak yang berlainan daripada yang sebelumnya. Justeru, nama Shaharom Husain tidak terkecuali dalam memperkatakan perkembangan drama Melayu moden di Malaysia.

Dalam hal ini, Shaharom Husain dikenali sebagai dramatis dan pelopor drama moden oleh sarjana-sarjana tempatan dan penggiat drama. Dramatis Shaharom Husain telah menempa nama dan sangat dikenali dalam bidang penulisan dan pementasan drama. Penglibatan Shaharom Husain menghasilkan karya-karya beliau menampakkan bahawa Shaharom Husain begitu prolifik dalam bidang drama pada tahun 1940-an dan 1960-an.

Menurut Mana Sikana (2006: 12) kegiatan dramatis Shaharom Husain bermula pada zaman Jepun iaitu ketika beliau mula menjinakkan diri dalam lapangan kebudayaan. Ini dibuktikan dengan pertama kalinya, Shaharom Husain telah menghasilkan dan mementaskan sebuah drama moden yang beraliran realisme berjudul "Lawyer Dahlan" di Gunung Pulai pada tahun 1943. Drama ini dijayakan oleh kaum belia di situ di bawah naungan pegawai tentera Jepun tempatan. Drama ini mengisahkan tentang pengaruh kebudayaan Barat yang merugikan terhadap kehidupan masyarakat Timur, khususnya orang Melayu. Malahan menurut Shaharom Husain, "Lawyer Dahlan" merupakan sebuah drama kritik masyarakat dan ceritanya menjelaki kontekstual kehidupan masyarakat yang membawa pemikiran masyarakat.

Keperihalan Shaharom Husain sebagai pelopor drama dan memperkenalkan istilah sandiwara dan drama sejarah telah menaikkan namanya di dalam genre drama. Dalam hal ini, sandiwara ialah genre dan nama zaman yang diberikan kepada teks-teks drama yang dihasilkan sebelum zaman realisme yang merujuk kepada naskhah-naskhah Shaharom Husain. Ia selaras dengan pernyataan Mana Sikana (2006: 17) yang menyatakan bahawa karya-karya Shaharom Husain penting dalam konteks perubahan dan perkembangan drama Melayu. Hal ini kerana, karya-karya beliau menampakkan ciri-ciri moden dari segi gaya dan struktur penulisan.

Lebih penting lagi, kesemua cerita sandiwara Shaharom Husain berdasarkan sejarah ataupun berlandaskan realiti tanpa adanya unsur khayalan dan fantasi. Berbeza dengan bangsawan yang tidak menggunakan skrip, naskhah sandiwara Shaharom Husain tidak terbahagi kepada banyak babak yang boleh mengganggu perjalanan cerita. Kemunculan Shaharom Husain dalam bidang drama telah mengubah corak bangsawan yang dipanggil drama moden kerana memerlukan skrip drama sebelum pementasan dibuat.

Mana Sikana (2013: 13) menyatakan bahawa sumbangan Shaharom Husain dalam bidang drama ternyata sangat besar nilainya dan antara karya beliau yang berjaya mendapat tempat dan berjaya melonjakkan namanya di dalam perkembangan sastera negara ialah "Si Bongkok Tanjung Puteri", "Lawyer Dahlam", "Keris Laksamana Bentan", "Pembelot", "Harimau Johor", "Tun Fatimah", "Wak Cantuk", "Kuala Kubu Karam", "Sejarah Pembukaan Negeri Johor", "Lembing Awang Pulang Ke Dayang", "Bendahara Tepok", "Seri Nara, Tonggak Kerajaan Johor", "Di Atas Pentas", "Meniti Bahagia", "Satria Jaya", "Balang Mas", "Seri Nara", "Sumpah Pemuda Pemudi Tanah air", "Hantu Laut", "Badik Panglima Riau", "Tun Seri Lanang", "Keluarga dan Tetangga" dan "Meniti Bahagia".

Dalam hal ini, Shaharom Husain mempunyai kebebasan dari segi idea dan pemikiran ketika beliau menghasilkan karya-karya drama sejak tahun 1940-an hingga pada akhir dekad 1960-an. Keistimewaan ini menjadikan karya-karya drama Shaharom Husain memerlukan penelitian dan perlu diterokai secara lebih meluas dan mendalam dalam pelbagai aspek.

Ini sebagaimana menurut Zakaria Ariffin (2006: 438) menyatakan bahawa Shaharom Husain jelas beruntung kerana mempunyai banyak bahan yang masih belum disentuh oleh penulis lain dalam genre drama.

Pernyataan Masalah

Konflik merupakan aspek yang penting yang lazim diwujudkan oleh setiap pengarang bagi menghidupkan cerita khususnya genre sastera seperti novel, cerpen maupun drama yang berfokuskan penceritaan. Bagi maksud ini, seseorang dramatis akan berusaha untuk mengadun dan mengetengahkan

pelbagai konflik dalam menggerakkan penceritaan atau mengembangkan ceritanya.

Dalam hal ini, dramatis akan berusaha untuk membicarakan pelbagai konflik yang dikesan dalam masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangannya. Hal ini selaras dengan pendapat Hashim Awang (1984: 26), Henry Guntur Tarigan (1993: 33) dan Rahimah Haji A. Hamid (2009: 49) yang mengatakan bahawa konflik sekiranya dimanfaatkan dengan baik, akan menghasilkan suatu penceritaan yang memberikan kesan yang lebih sempurna.

Walaupun demikian, terdapat pandangan yang mengaitkan bahawa dramatis Shaharom Husain kurang mengetengahkan konflik dalam drama-dramanya. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Mana Sikana (1989: 53) yang menyatakan bahawa dramatis Shaharom Husain mengabaikan aspek-aspek pembinaan konflik dalam drama yang dihasilkan. Sementara itu, kajian oleh Samsilah Ahmad (2001), Mustaffa Lazim (2004), dan Ramzi Abu Samah (2007) memperlihatkan bahawa ada dalam kalangan penulis skrip drama atau pengarang dalam karya-karya mereka kurang menitikberatkan pembinaan konflik tetapi mereka mengembangkan cerita dengan keupayaan kreativiti melalui teknik yang digunakan. Hal ini telah memperlihatkan keseimbangan antara teknik dengan cerita yang diketengahkan.

Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan aspek konflik dalam drama-drama Shaharom Husain yang dikaji. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti penggarapan aspek konflik oleh Shaharom Husain dalam drama-dramanya bagi menghidupkan dan mengembangkan plot. Kajian terhadap konflik yang dijalankan ini juga turut meneliti usaha dramatis Shaharom Husain dalam mengolah ideanya dengan mengembangkan plot melalui konflik yang dikenal pasti dalam drama-dramanya.

Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah, kajian mengenai konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain wajar dijalankan. Hal ini demikian bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan iaitu :

- i) Adakah wujudnya konflik dalam drama Shaharom Husain?
- ii) Bagaimanakah konflik yang diwujudkan oleh Shaharom Husain dalam drama-dramanya?

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut :

- i) Mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama-drama Shaharom Husain.
- ii) Menganalisis konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain berdasarkan tema kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan.
- iii) Menjelaskan konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain berdasarkan tema kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan.

Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini merupakan suatu usaha untuk menambah koleksi kajian yang berkaitan dengan bidang drama. Hal ini kerana, koleksi kajian drama kurang menjadi tarikan para sasterawan dan pengkaji berbanding genre novel dan cerpen. Melalui kajian ini, diharapkan khalayak pembaca memperoleh maklumat untuk meneliti dan memahami konflik dalam drama-drama Shaharom Husain dan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan.

Kajian ini juga penting bagi institusi-institusi yang terlibat seperti sekolah mahupun IPTA/IPTS terutamanya yang memiliki jurusan sastera. Hal ini kerana, kita sedia maklum bagaimana kesusasteraan Melayu semakin ditinggalkan oleh masyarakat serba moden masa kini.

Jadi, melalui kajian seperti ini ia boleh dilihat sebagai satu bahan yang boleh menjadi rujukan kepada institusi pendidikan untuk menilai kewujudan unsur kesusasteraan Melayu khususnya dalam genre drama. Bagi pelajar, kajian ini penting kerana ia dapat membantu penulis-penulis untuk mengembangkan hasil karya mereka terutama dalam penerapan konflik-konflik dalam drama.

Di samping itu, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai perintis bagi meluaskan dunia sastera agar kajian-kajian yang berkaitan dengan drama diperluaskan oleh pengkaji-pengkaji akan datang yang berhasrat untuk membuat kajian terhadap bidang drama tetapi melihat dari sudut yang berbeza. Hal ini akan menambah dan memperbanyak kajian dan penyelidikan terutama yang berkaitan dengan genre drama dan Shaharom Husain.

Antara lain, maklumat kajian yang diperoleh dalam kajian ini mampu memberi ruang kepada pengkaji lain untuk memperhalusi ruang kajian yang masih belum dicakupi sepenuhnya.

Hal ini akan menambah dan memperbanyak kajian dan penyelidikan terutama yang berkaitan dengan drama. Malahan, hasil dapatan kajian diharap dapat dijadikan sebagai sumber maklumat atau dokumentasi serta sebagai bahan diskusi.

Justeru, kajian terhadap drama-drama Shaharom Husain adalah bertujuan untuk mengangkat martabat dan memperbanyakkan karya tersebut sebagai ciptaan seni yang mengandungi maklumat yang bernilai estetik yang tinggi. Penggarapan idea seseorang dramatis dengan penerapan konflik untuk menghidupkan dramanya disampaikan kepada khalayak pembaca dengan menggunakan medium bahasa dan dialog secara terancang.

Ini bermaksud, kemampuan dramatis menjalin hubungan komunikasi dengan pembaca melalui kesejajaran dan ketepatan penggunaan bahasa dapat membekalkan maklumat dan mesej seterusnya mengurangkan jurang kefahaman maksud yang disampaikan oleh dramatis kepada pembaca.

Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada 18 buah skrip drama Shaharom Husain yang yang telah dikumpulkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku berjudul *Drama-Drama Shaharom Husain*. Kesemua skrip drama yang dikumpulkan itu, merupakan hasil buah tangan terbaik daripada Shaharom Husain yang mempunyai kepelbagaiian tema.

Di samping itu, skrip-skrip drama tersebut juga dihasilkan dalam tahun-tahun yang berlainan. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Zakaria Ariffin (1991: viii) yang menjelaskan bahawa karya Shaharom Husain cukup penting dalam konteks perubahan dan perkembangan drama Melayu yang menampakkan ciri-ciri moden dari segi gaya dan struktur penulisan.

Kesediaan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerbitkan kumpulan skrip drama ini, membuktikan bahawa skrip drama-drama Shaharom Husain adalah naskhah yang bermutu dan baik. Selain itu, pengolahan Shaharom Husain dalam bentuk yang mudah, dengan gaya bahasa yang segar telah menyerlahkan namanya dalam bidang drama.

Lantaran itu, dalam membicarakan sejarah perkembangan drama Melayu di Malaysia, karya-karya Shaharom Husain tidak sewajarnya diabaikan kerana boleh dianggap sebagai suatu kesilapan. Hal ini membuktikan bahawa pembaharuan yang diperkenalkan oleh Shaharom Husain telah melonjakkan nama beliau dalam genre drama (Zakaria Ariffin ;1991: xiv).

Dalam konteks kajian ini, berdasarkan 18 buah drama pengkaji akan membuat tapisan dengan meneliti skrip drama yang bersesuaian dengan tema-tema konflik yang ditetapkan seperti dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa terdapat tiga tema yang dikenal pasti iaitu tema kekuasaan, tema kemasyarakatan dan tema status atau kedudukan. Bagi maksud ini, penganalisisan terhadap konflik-konflik yang terdapat dalam drama Sharom Husain yang dikaji akan berdasarkan watak dan perwatakan, dialog atau ungkapan bahasa yang digunakan, serta latar penceritaan atau deskripsi terdapat dalam skrip drama yang dikaji.

	Tema Konflik	Tajuk Drama	TAHUN
1	Kekuasaan	Keris Laksamana Bentan	1940
		Badik Panglima Riau	1956
		Tonggak Kerajaan Melayu Johor	1961
		Si Bongkok Tanjung Puteri	1961
		Harimau Johor	1962
		Tun Fatimah	1964
		Bandahara Tepok	1983
		Balang Emas	1964
		Keluarga dan Tetangga	1960
2	Kemasyarakatan	Lawyer Dahlan	1940
		Hantu Laut	1948
		Sumpah Pemuda Pemudi Tanah air	1960
		Wak Cantuk	1965
		Meniti Bahagia	1985
		Tun Seri Lanang	1958
3	Status atau Kedudukan	Kuala Kubu Karam	1961
		Satria Jaya	1968
		Seri Nara	1984

Jadual 1: Pembahagian Tajuk Drama berdasarkan Tema Konflik.

Definisi Operasional

Beberapa definisi atau konsep yang terdapat dalam kajian ini akan diperjelaskan supaya arah perbincangan berfokus terarah dan disiplinnya lebih terkawal. Bagi maksud ini beberapa kata yang berkaitan dengan kajian ini akan diperjelaskan berdasarkan pandangan daripada para sarjana yang diperoleh daripada pelbagai sumber turut sama akan digunakan.

Konflik

Konflik secara umumnya berkaitan dengan perselisihan atau pertentangan antara individu, masyarakat, idea atau pemikiran yang dihadapi. Lazimnya konflik terjadi apabila wujudnya dua perkara atau situasi yang menyebabkan timbulnya kesukaran untuk membuat pilihan, membuat keputusan ataupun

melakukan tindakan berdasarkan situasi yang dihadapi. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor sama ada faktor dalaman maupun luaran.

Dalam hal ini beberapa sarjana telah menjelaskan tentang konflik. Antaranya Cross Names dan Back yang dipetik daripada Borisoff & Victor (1998: 1) yang menjelaskan bahawa konflik berlaku disebabkan wujudnya perbezaan dalam kalangan individu. Walaupun penjelasan Cross Names dan Back mengenai konflik agak sempit, namun sedikit sebanyak memberikan kefahaman awal kepada masyarakat bahawa konflik yang berlaku itu akan melibatkan sekurang-kurangnya dua atau lebih pihak. Walau bagaimanapun, tidak semua konflik yang berlaku melibatkan pihak lain, tetapi sesuatu konflik juga boleh berlaku dalam diri seseorang (konflik intrapersonal).

Dalam hal ini, walaupun Cross Names dan Back tidak menyebut secara jelas tentang 'perbezaan' dalam definisi konflik, tetapi masyarakat perlu memahami bahawa konflik yang timbul boleh disebabkan oleh perbezaan dari segi matlamat, nilai, keperluan, kuasa dan politik, ekonomi, kepentingan dan kepercayaan.

Sementara itu, Mohd Foad Sakdan (2005: 23) pula mendefinisikan konflik sebagai gambaran pertentangan yang wujud sekurang-kurangnya melibatkan dua pihak yang saling bergantungan dan memerlukan di antara satu sama lain. Dalam hal ini, pihak-pihak yang saling bergantungan itu mula menunjukkan reaksi apabila wujudnya ketidakselaras dalam mencapai matlamat, kebimbangan dalam mendapatkan pengiktirafan atau ganjaran serta merasakan wujudnya gangguan dan ancaman daripada satu pihak lain dalam mencapai matlamat mereka.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh beliau, konflik yang berlaku itu melibatkan konflik antara kelompok atau kumpulan (*intergroup conflict*) yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak. Walaupun kelompok-kelompok tersebut berada dalam organisasi sama, tetapi disebabkan timbulnya kebimbangan dan merasakan kedudukan serta kepentingan mereka mula terancam dalam usaha mencapai matlamat masing-masing, maka bermulalah konflik antara kelompok.

Sementara itu, Coser (1956: 8) pula melihat konflik sebagai perjuangan individu-individu dan kelompok-kelompok yang berkisar kepada nilai dan kebimbangan terhadap kedudukan, persaingan untuk mendapatkan kuasa dan sumber yang terhad, iaitu mereka yang berbeza pendapat mempunyai matlamat untuk meneutralkan, merosakkan atau menghapuskan saingan mereka. Dalam definisi yang dikemukakan oleh Coser, mendapat bahawa ada tindakan positif dan negatif yang dibuat dalam menghadapi konflik yang terjadi.

Dari sudut negatifnya, terdapat usaha-usaha untuk menghapuskan pesaing dan membinasakan mereka. Manakala dari sudut positif pula, konflik yang tercetus membawa kepada usaha pihak-pihak yang berkonflik untuk meneutralkannya demi kebaikan bersama melalui perundingan, tolak ansur, persetujuan, kerjasama dan perpaduan.

Sementara, Hashim Awang (1984: 26) menyatakan konflik menjadi unsur dasar plot. Konflik menurut beliau adalah pertentangan atau pergelutan di antara dua pihak. Konflik mungkin bersifat luaran seperti pertentangan antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam, manusia dengan masyarakat dan juga konflik bersifat dalaman iaitu yang berlaku dalam diri sama ada pertentangan dalam fikiran, perasaan, atau moralnya. Kadangkala konflik menurut beliau bercampur antara konflik luaran dan dalaman.

Maimunah Haji Omar (1992: 6) menyatakan konflik merupakan salah satu teknik-teknik dan unsur-unsur yang digunakan pengarang untuk menegangkan plot cerita. Konflik dibahagikan kepada dua iaitu konflik fizikal dan konflik peribadi dalaman. Konflik fizikal menurut beliau dapat dikesan apabila manusia berdua kekuatan sama ada sesama manusia, binatang atau alam. Menurut beliau lagi dalam penganalisisan unsur-unsur konflik dapat dikesan dengan berlakunya konflik antara manusia dengan diri sendiri, manusia dengan manusia dan konflik antara manusia dengan Tuhan.


Dalam memperkatakan tentang konflik, penelitian turut berkait rapat dengan punca sesuatu konflik terjadi.

Bagi maksud ini, konflik terjadi disebabkan oleh beberapa sebab yang berkaitan diri sendiri, orang lain dan persekitaran. Konflik yang melibatkan diri sendiri terjadi disebabkan oleh kepentingan diri sendiri yang melebihi kepentingan orang lain. Keinginan untuk memenuhi kepentingan orang lain yang melebihi kepentingan diri sendiri turut menyumbang kepada berlakunya konflik. Selanjutnya konflik terjadi disebabkan oleh kepentingan yang tinggi antara diri sendiri dan orang lain.

Selain itu, kepentingan yang rendah terhadap diri sendiri dan orang lain juga punca tercetusnya konflik. Malahan, kepentingan antara diri sendiri dan orang lain tetapi berasaskan cara tolak ansur dan kompromi juga boleh menjadi punca berlaku konflik.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan penelitian definisi konflik oleh beberapa pandangan sarjana di atas, didapati bahawa konflik tercetus disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya melibatkan individu dengan individu, masyarakat, alam dan Tuhan.

Maka, kajian konflik ini akan berfokus kepada perbincangan tema kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan berasaskan faktor konflik antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, individu dengan alam dan individu dengan Tuhan. Perbincangan akan dianalisis dalam Bab IV.



Rajah 1: Kerangka Konsep Konflik

Drama

Tjokroatmojo (1985: 35) menyatakan bahawa drama berasal daripada bahasa Yunani, dran atau draomai yang bererti gerak. Bukan gerakan tubuh badan tetapi gerakan yang halus, gerakan seni yang membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Di Yunani, gerakan ini dihubungkaitkan dengan tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik. Definisi ini juga memang tepat kerana dalam persembahan drama dan teater, seringkali terdapat unsur nyanyian, tarian dan lakonan.

Hashim Awang (1985: 50) mendefinisikan drama adalah jenis sastera yang tercipta untuk dipentaskan atau dilakonkan. Pelakon melakonkan aksi-aksi yang ditetapkan dan melafazkan dialog yang disediakan. Definisi tersebut jelas

menepati konsep drama moden yang memerlukan skrip untuk dihafal dan dilafazkan dalam lakonan. Penyataan ini selari dengan pendapat Mark Milton (1961: 54) yang menyatakan bahawa drama bukan lagi pertunjukan lakonan yang bersifat improvisasi tetapi berdasarkan naskhah yang sudah disiapkan terlebih dahulu. Ini membuktikan seni drama mempunyai hubungan yang erat dengan seni sastera.

Sharif Shaary (1991: 1) menghuraikan, drama sebagai satu daripada genre kesusasteraan yang boleh berbentuk prosa atau puisi. Berbeza daripada novel dan cerpen, drama biasanya ditulis untuk teater, dengan para pelakon mengambil alih peranan watak-watak yang memainkan aksi yang diarahkan dan melafazkan dialog-dialog yang tertulis. Di samping itu, M. Atar Semi (1988: 156) menyatakan bahawa drama dapat sahaja menggunakan bahasa yang imaginatif atau analitik, kerana itu ia dapat ditulis dalam bentuk puisi dan prosa, tetapi tanpa aksi atau perilaku, gerak drama tidak ada.

Jelaslah, drama merupakan satu genre kesusasteraan yang dihasilkan dalam bentuk dialog bahasa prosa atau bahasa puisi. Drama yang menarik mengadunkan seluruh unsur seni. Kejayaan drama bukan setakat bergantung kepada aspek lakonan semata-mata, tetapi kuat bergantung kepada skrip drama itu sendiri.

Seterusnya, menurut Rahimah Haji A. Hamid (2009: 49) mendefinisikan perkataan drama tertuju kepada suatu genre kesusasteraan yang secara fizikalnya memperlihatkan wujudnya percakapan antara mimik muka, tindakan, aksi, atau perlakuan tentang sesuatu.

Dalam hal ini, karya drama juga lazimnya mempunyai petunjuk pemanggungan (*stage directions*) yang akan memberikan gambaran tentang suasana, lokasi atau gerak yang perlu dilakukan oleh watak. Hal ini selaras dengan pendapat Sir John Pollock (1958: 49) yang menyatakan bahawa:

“.... a play as a work of art composed of work spoken, or motion performed, by imagine characters and having a subject, action, development, climax and conclusion”.

Berdasarkan petikan di atas, menjelaskan bahawa dalam drama wujud pergerakan persembahan (*motion performed*) dan tindakan (*action*). Hal ini menepati maksud drama yang berasal daripada bahasa Yunani, draomai yang bererti *to do* atau *to act* (Allan Chionglo Ronald, 1973: 49).

Kesimpulan

Justeru, berdasarkan kepada penyataan masalah dan lompong kosong yang ditimbulkan, maka kajian ini akan menjawab objektif yang dinyatakan. Sehubungan itu, kajian ini akan berfokus untuk mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama Shaharom Husain. Di samping itu, turut menganalisis dan

meneliti konflik-konflik yang diwujudkan oleh dramatis Shaharom Husain menerusi kepelbagaian cara dan stail dalam drama-dramanya. Maka, kajian konflik ini akan berfokus kepada perbincangan tema kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan berasaskan faktor konflik antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, individu dengan alam dan individu dengan Tuhan. Perbincangan secara rinci akan dianalisis dalam Bab IV.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2008. *Islam dalam Sabda Manusia dan Kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Yusof. 2003. *Gelagat Organisasi: Teori, Isu dan Aplikasi*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Abdullah Hassan, & Ainon Mohd. 1998. *Berkonflik dan Berunding*. Kuala Lumpur: Percetakan CS.
- Amida Abdulhamid. 2004. *Persoalan Dendam dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Kamal Abdullah. Julai 1998. "Mendekati Konflik Manusiawi: Analisis Cerpen Dewan Sastera Jun". *Dewan Sastera*, 79-81.
- Amran Hassan. 2011. *Konflik*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- A.Rahim Abdullah. 1997. "Penghayatan Drama: Usaha Mentafsir Kemanusiaan". *Dewan Sastera*.
- Arbak Othman. 2010. *Kritikan Puisi dari Prespektif Semiotik*. Kajang. Nusabuku.
- Arba'ie Sujud. 2012. *Apresiasi Bahasa dan Interpretasi*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Sarjana Press.
- _____. "Mengakrabi Dunia Perpuisan Melayu Nusantara: Mendepani Cabaran, Mencorak Harapan" teks ucap utama yang dibentangkan dalam Perhimpunan Penyair Dunia di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada 23 Disember 2013.
- Arba'ie Sujud & Arbak Othman. 2014. *Stilistik*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Asiah Binti Abdul Rahman. 2004. *Simbolisme dalam Drama-drama Absurd*. Tesis sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- _____. 2013. Transformasi Makna Ayat Perintah dalam Novel S. Othman Kelantan". Tesis Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia.
- Baharuddin Zainal. 1979. "Konflik yang Timbul dari Pertembungan Kebudayaan". *Esei Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Barisoff. D. & Victor. D.A. 1989. *Conflict Management: A communication Skills Approach*. New Jersey: Prentice Hall.
- Burton, John W, & Frank Dukes. *Conflict: Practises in Management, Settlement and Resolution*. London: Macmillan. 1990.
- Broom Leonard, & Philip Selznick. 1955. *Sociology: A Text with Adapted Readings*. New York: Harper and Row.
- Che Abdullah Che Ya. April 2006. "Konflik Emosi dalam Cerpen: Analisis Cerpen Dewan Sastera Mac". *Dewan Sastera*, 43-47.
- Coser. L. A. 1956. *The Function of Social Conflict*. New York: The Free Press.
- Daft, R. L. 1983. *Organizational theory and Design* (3rd ed.). USA: West Publishing Company.
- Deddy Mulyana. 2006. *Orang Berbeda Budaya*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Dietrich, E. John. 1953. *Play Direction*. Amerika: Englewood Cliff NJ.
- Fatimah Daud. 1992. *Pengenalan Teori-teori Sosiologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Gardner, H. 1983. *Frames of Minds. The Theory of Multiple Intelligences*. Oxford: Clarendon Press.
- George Kelly. 1983. Native-view paradigms: multiple cultures and culture conflicts in organizations. *Administrative Science Quarterly*, 28: 331-338.
- Hasan Hj. Mohd. Ali. 1994. *Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Sabha DTP Servicer Sdn. Bhd.
- Hamdan Yahya. Julai 2004. Nasionalisme dalam Dua Drama Shaharom Husain: Berdasarkan Tafsiran Kohn. *Dewan Sastera*, 33-39.
- Hasnul Fikri. 2008. *Konflik dalam Novel-novel Ahmad Tohari dan Azizi Haji Abdullah: Satu Perbandingan dari Sudut Psikologi Sosial*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. 1984. *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- _____. 1985. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

- Henry Guntur Tarigan. 1993. *Prinsip-prinsip Dasar Sastera*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Hocker, J.L.G & W.W Wilmot. 1965. *Interpersonal Conflict*. Dubuque: Wm C. Brown Publishers.
- Hofstede, G. 1983. "Organization Conflict: A Comparative Analysis of Conflict Styles Across Cultures". *International Journal of Conflict Management*, 13 (2): 57-71.
- H. Abdul Djamil. 2007. *Mengelola Konflik Membangun Damai. Teori, Strategi dan Implementasi Resolusi Konflik*. (Ed.). M. Mukhsin Jamil. Semarang: Walisongo Mediation Centre.
- Ibnu Khaldun. 2000. *Muqadimah* (terj). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilias Zaidi. 1991. Konflik Kebatinan Watak-watak dalam Patah Tubuh. Dlm *Kumpulan Esei Jalinan*, ed. Siti Aisah Murad, pp. 43-56. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jakob Sumardjo. 1981. *Memahami Kesusasteraan*. Bandung: Penerbit Alumni.
- Jakob Sumardjo, & Saini K. M. 1986. *Apresiasi Kesusasteraan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Keris Mas. 2005. *Siri Lestari: Sastera dan Kemanusiaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khatijah Ismail. 2001. "Artikel Drama Cerminan Masyarakat. Dewan Sastera,
- Mana Sikana. 1989. *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1990. *Esei-esei Kesusasteraan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2002. *Dramatis Pascamoden. Teater Fitrah dan Esei Pilihan* Noordin Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. Julai 2004. "Pemikiran dan Idealisme Shaharom Husain". *Dewan Sastera*, 7-12.

- _____. 2004. Drama Shaharom Husain: Suatu Kritikan Pascamodenisme. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006. Pemikiran dan Idealisme Drama Shaharom Husain. Dlm *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006. *Shaharom Husain Sasterawan Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McAuley, J.G. 1988. *Komunikasi Antara Manusia: Ciri-ciri Penting dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Apa Kata Islam Mengenai Manusia dan Alam*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Miriam Budiarjo. 1977. *Dasar-dasar Ilmu Politik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Misran Rokimin. 2011. Seperti Sejalur Pelangi: Pemaparan Konflik Remaja Menuju Kecemerlangan. *Jurnal Melayu*, 3: 179-218.
- _____. Disember 2002. "Manusia: Konflik Sesama Manusia, Alam Sekitar dan Tuhan: Analisis Cerpen *Dewan Sastera November 2002*". *Dewan Sastera*, 71-74.
- Mohd. Foad Sakdan. 2005. *Pengurusan Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morton Deutsch, Peter T. Coleman & Eric C. Marcus. 2006. *The Hand Book of Conflict Resolution: Theory and Practice*. Jossey Bass, San Francisco: A Wliey Imprint.
- M. S. Anuar Mahmod. 2009. *Suara-suara Terpendam*. Kuala Lumpur: Pustaka Yameni Sdn Bhd.
- M. Atar Semi. 1989. *Kritik Sastera*. Jakarta: Angkasa.
- M. Yoesoeff. 2007. *Sastera dan Kekuasaan Pembicaraan atas Drama-drama Karya W. S. Rendra*. Jakarta: Wedatama Widya Sastra.
- Md. Yadi Said. 2006. *Mengurus Konflik*. Kuala Lumpur: Pts Profesional Publishing Sdn Bhd.

- Mohamad Daud Mohamad. Jun 2008. "Krisis Nilai dan Konflik Kejiwaan: Analisis cerpen *Dewan Sastera Mei 2008.*" *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 22-25.
- Mohamad Mokhtar Hassan. 1995. *Sosiologi Sastera Teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
- Mohd Amran Daud. Analisis Konflik dalam Beberapa Cerpen Terpilih Shahnon Ahmad. Kertas Kerja Iringan yang dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Shahnon Ahmad anjuran Jabatan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Balai Seminar Dewan Bahasa Pustaka, 13-14 November 2007.
- Moulton. 1943. *The International Cyclopedia Of Music And Musicians*. (Ed.), Oscar Thompson. Cleveland: Cleveland World Pub. Co.
- Md. Zin Idros. 1973. Penulis Shaharum Hussain. *Journal Persatuan Penulis Johor*, 3: 3-14.
- Media Sandra Kasih. 2003. Analisis Konstrastif dan Keanekabahasaan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34 (6): 36-40.
- Mohd. Yusof Hasan. 1977. "Konflik Jiwa Manusia dalam Cerpen-cerpen Shahnon". Dlm *Kumpulan Esei Jalinan*, ed. Siti Aisah Murad, pp. 190-206. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malike Ibrahim. 2008. *Mengurus Konflik*. Petaling Jaya: Ibs Buku Sdn. Bhd.
- Maimunah Haji Omar. 1992. *Panduan Menganalisa Aspek-aspek di dalam Cereka: Penganalisaan novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Shah Alam: Institut Teknologi Mara.
- Mark. Milton. 1961. *The Enjoyment Of Drama*. Ed Celzar Ahmad Pusha: Goldentree Book.
- Mohd Razali Salleh. 2010. *Pengendalian Stres dan Kebimbangan. Penilaian Kognitif dan Tingkah Laku*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Fuad bin Mohd Salleh. 2008. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurgiyantoro. 2002. *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Nelly Afrianti. et. al. 2012. Konflik Batin dalam Novel Moga Bunda di Sayang Allah karya Tere Liye. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastera Indonesia*, 1:

- Nik Safiah Karim. et. al. 2011. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noralina Omar & Amaludin Ab. Rahman. 2007. *Soal Jawab Perkahwinan*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Pts. Publication.
- Nina Kirana. 1992. *Identiti Keluarga Bahagia*. Ampang: Citakhidmat.
- O. K. Rahmat. 1991. *Hubungan antara Manusia dengan Manusia dan Alam Sekelilingnya*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Pondy. L. R. "Organizational Conflict: Concept and Model". *Administrative Science Quarterly*. 1967.
- Pollock, Sir John. 1958. *Curtain Up*. London: Peter Davis.
- Patricia Noller & Mary Anne Ftzpatrick. 1993. *Communication in Family Relationships*. Englewood Cliffs, Nj: Prentice Hall.
- Peg Pickering. 2000. *How To Manage Conflict*. Petaling Jaya: Advantage Quest Publications.
- Radcliffe e. Brown 1965. *Structure and Function in Primitive Society Essay an Addresses*. New York: Free Press.
- Ronald, Allan Chionglo. 1973. *The Norton Introduction to Literature*: Combined Shorter Edition. Toronto: George J. McLeod Limited.
- Roslina Abu Bakar. 2013. *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramanathan K. 1998. *Asas Sains Politik*. Cetakan Keenam. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Rahimah Haji A. Hamid. Julai 2009 "Konflik Kota Pascamerdeka: Muzikal Kampung Baru". *Dewan Sastera*, 49-54.
- Rohana Yaacob. 2008. *Gaya Pengurusan Konflik Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Pegawai Akademik di Fakulti Sains*, Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Rao. 2006. *Slum as Theory: The South/Asian City and Globalization*. International Journal of Urban and Regional Research.
- Roxane S. Lulofs, & Dudley D. Cahn. 2000. *Conflict from Theory to Action*. (2nd ed.). Needham Heights: A Person Education Company.

- Sally B.E. 1993. *Workplace Communication: A Teacher's Guide*. Australia: Pitman Publishing.
- Sharif Shaari. 1992. *Shahnon dengan Debu Merahnya*. Shah Alam: Marwilis Publisher.
- Sayuti. 2000. *Berkenalan dengan Prosa Fiksi*. Yogyakarta: Gama Media.
- Shaharom Husain. 1991. *Drama-drama Shaharom Husain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1993. Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1995. *Gema Karya Kreatif dan Kesannya Terhadap Khalayak*. Penerbit Fajar Bakti. Shah Alam.
- Syed Ahmad Hussein. 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidah Haji Ali. 1993. *Analisis Drama Tok Perak, Anak Tanjung, Atap Genting Atap Rumbia Kesusasteraan Melayu Kertas 6*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Sondang P. Siagian. 1981. *Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shumpeter, J. 1961. *Capitalism, Socialism, and Democracy*. New York: Harper Colophon.
- Sheldon William. 1940. *The Varieties of Human Physique.: An Introduction to Constitutional Psychology*. New York: Harper.
- Ting Chew Peh. 1979. *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tjosvold, D. 1997. Conflict within Interdependence: Its Values for Productivity and Individuality. Dlm. *Using Conflict in Organization* Carsten, ed. K.W. De Dreu & Evert van de Vliert, pp. 23-37. London: SAGE Publications.
- Talib Samat. 2003. *Shaharom Husain Gapura Sastera Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Tjokroatmojo. 1985. *Pendidikan Seni Drama: Suatu Pengantar untuk Siswa Siswi SMTP dan SMTA*. Jakarta: Usaha Nasional.

- Thomas, Kenneth W. 1976. "Conflict and Conflict Management". In. *The Handbook of Industrial and Organizational Psychology*, ed. M. D Dunnett. Chicago: Rand McNally.
- Thomas, Kenneth W. & Ralph H. Killman. 1974. *Conflict Mode Instrument*. Tuxedo NY: XICOM, Inc.
- Taylor B. Edward. 1871. *Primitive Culture: Research Into The Development of Mythology, Phisiology, Religion, Art and Custom*. New York: J.P. Putnam's Sons.
- W. L Reese. 1980. *Dictionary of Phisiology and Religion: Eastern and Western Thought*. Atlantic Highlands, N.J: Humanities Press.
- Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid. 1998. *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. 1993. *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- _____. 1993. *Budaya Melayu dalam Perubahan*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- _____. 2000. *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya. Masfami Enterprise.
- Yusoff Iskandar. et.al. 1978. *Sejarah Melayu: Satu Perbicaraan Kritis dari Pelbagai Bidang*. Kuala Lumpur: Heineman Educational Book (Asia) Ltd.
- Yuli Sabrina Aka. 2011. *Perbandingan Penggunaan Unsur Fakta dan Fiksyen dalam Drama Shaharom Husain dengan Drama Helvy Tiana Rosa*. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zinon Abidin Abu Hassan. 2002. *Unsur Konflik dalam Hikayat Raja Pasai dan Hikayat Merong Mahawangsa*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. "Budaya Melayu: Akhlak Mulia Masyarakat Jaya". Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Kefahaman Budaya* anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur. 1999.
- Zubedah bt. Salihin. 2000. *Watak-watak Berkonflik dalam Drama "Air Mata Ibu"*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia.

- Zakaria Ariffin. 1991. Kata Pengantar. Dlm *Drama-drama Shaharom Husain*, ed. Shaharom Husain, pp. vii-xiv. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1994. Naskhah-naskhah Sandiwara Shaharom Husain: Penelitian Seorang Pencatat Sejarah. Dlm *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*, ed. Sahlan Mohd Saman, pp. 233-241. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2008. Drama-drama Shaharom Husain: Keragaman Idea dan Pemikiran. Dlm *Penelitian Sejarah Kesusastraan Melayu Moden 1940-1969*, ed. Siti Aisah Murad, pp 428-439. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2006. *Komedи dalam Trilogi Drama Zakaria Ariffin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mohamad, & Mohd Yahya Fadzli Jusoh. 2009. *Mengurus Konflik Gaya Streetsmart*. Kuala Lumpur: PTS Millenia Sdn. Bhd.